

UCAPAN ALUAN
YBHG. TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SEMPENA
MAJLIS
PERSARAAN PERBENDAHARAAN TAHUN 2017

22 FEBRUARI 2017 (RABU)
DEWAN UTAMA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PUTRAJAYA

Terima Kasih Saudara Pengerusi Majlis

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

Yang Berhormat Datuk Haji Johari Abdul Ghani
Menteri Kewangan II

Yang Berhormat Dato' Wira Othman Aziz
Timbalan Menteri Kewangan I

Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong
Timbalan Menteri Kewangan II

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Para Pesara Yang Diraikan

Pegawai-pegawai Kanan Perbendaharaan dan Pejabat Perdana Menteri

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Para tetamu jemputan dan para media

Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT dengan izin-Nya jua kita semua dapat berkumpul pada majlis meraikan persaraan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan secara wajib bagi tempoh dari pertengahan Disember 2015 sehingga 31 Disember 2016.
2. Saya, mewakili seluruh warga Perbendaharaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri dapat meluangkan masa untuk sama-sama hadir dalam majlis mala mini.
3. Tujuan utama majlis petang ini adalah untuk menghargai dan merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga di atas segala jasa bakti dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi di dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

4. Majlis Persaraan Pegawai-Pegawai Perbendaharaan Malaysia yang diadakan pada petang ini merupakan majlis tahunan yang diadakan bagi memberi penghargaan kepada pegawai dan kakitangan Perbendaharaan Malaysia yang telah menyumbang tenaga dan

fikiran dalam merangka dasar pembangunan negara sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

5. Secara khususnya majlis persaraan ini diadakan bagi meraikan 51 pegawai dan kakitangan Perbendaharaan yang telah bersara wajib dari pertengahan Disember 2015 sehingga 31 Disember 2016 termasuk tiga (3) orang Ketua Jabatan / Agensi di bawah Kementerian Kewangan yang telah bersara wajib / menamatkan kontrak sepanjang tahun 2016.
6. Antara pesara-pesara yang diraikan adalah YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari iaitu mantan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).
7. Tiga (3) orang Setiausaha Bahagian yang turut diraikan adalah:

Datuk Mohd Esa bin Abd Manaf;

- mantan Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi

Puan Hazanah binti A. Bakar; dan

- mantan Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam

Encik Koshy Thomas

- mantan Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi

8. Tiga (3) orang Ketua Jabatan / Agensi:

Datuk Haji Sr Faizan bin Abdul Rahman

- mantan Ketua Pengarah Penilaian,
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Tan Sri Khalid bin Ramli

- mantan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar

- mantan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

9. Pada tahun 2016, terdapat seramai empat (4) orang kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 40 tahun dalam perkhidmatan awam iaitu:

- Encik Abd. Kahar bin Alias (43 tahun 8 bulan);
- Encik Ismail bin Hashim (42 tahun 1 bulan);
- Puan Aishah binti Ismail (41 tahun 1 bulan); dan
- Puan Habibah binti Abd Manap (40 tahun 7 bulan).

10. Pegawai yang paling lama berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah **Encik Abd. Kahar bin Alias, mantan Pembantu Operasi di Bahagian Perolehan Kerajaan (43 tahun 8 bulan)**. Beliau dilantik

dalam perkhidmatan awam pada 12 Jun 1972 dan bersara wajib pada 1 Mac 2016.

11. Bagi pihak Perbendaharaan saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pesara yang diraikan pada hari ini yang telah begitu banyak berjasa serta menabur bakti sepanjang tempoh perkhidmatan dengan penuh taat setia, dedikasi dan amanah.
12. Walaupun telah bersara ianya tidak bermakna berakhirnya segala-galanya. Malah ianya adalah peluang serta langkah permulaan ke suatu suasana yang baru. Persaraan merupakan satu lagi peringkat yang perlu dilalui dalam perjalanan hidup kita.
13. Saya pasti Datuk/Dato', tuan-tuan dan puan-puan telahpun mempunyai perancangan dan mempersiapkan diri dalam menjalani alam yang baru ini. Sebenarnya inilah masaya untuk kita melaksanakan apa jua keinginan dan impian yang masih belum terlaksana atau yang masih belum sempat terlaksana. Selain dapat berehat, menambah amal ibadat serta menghabiskan masa bersama keluarga tersayang, mungkin ada yang akan mencuba bidang perniagaan ataupun telah mendapat tawaran di syarikat-syarikat swasta atau sektor korporat yang memerlukan khidmat dan kepakaran tuan-tuan dan puan-puan.

14. Segala pengalaman dan pengetahuan yang Datuk/Dato'/tuan/puan sekalian miliki terlalu bernilai serta berharga untuk dimanfaatkan kepada masyarakat. Sedikit sebanyak penyertaan aktif tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membantu meringankan masalah yang ditanggung oleh masyarakat dan negara.

Mari memancing ikan gelama,
Makan nasi bersama ulaman;
Budi tuan kami terima,
Jadi kenangan sepanjang zaman.

Alangkah dinginnya menjelang senja,
Mentari terbenam diufuk barat,
Doa kami ikhlas untuk kalian sahaja,
Bahagia di dunia hingga akhirat

Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

15. Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri majlis ini. Terima kasih juga kepada Datuk/Dato'/tuan/puan di atas segala kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan samada yang masih berkhidmat atau pun telah bersara. Semoga kita dilimpah taufik dan hidayahNya kepada perjalanan kita seterusnya.

Sekian, terima kasih.

Wabillah Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Kementerian Keuangan

Putrajaya

22 Februari 2017